

Pusat pemindahan banjir ditambah

GUA MUSANG - Sebanyak 43 pusat pemindahan banjir dan 13 pengkalan hadapan disediakan untuk mangsa banjir di daerah ini bagi menghadapi bencana tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Banjir Jajahan, Tuan Zainal Abidin Tuan Yusoff berkata, ia dapat menampung lebih ramai mangsa banjir dengan pertambahan 16 pusat pemindahan berbanding tahun lalu, hanya 27 pusat pemindahan.

Menurutnya, pusat pemindahan banjir membabitkan kawasan tinggi termasuk dewan, sekolah, rumah transit dan bukit yang lebih selamat untuk mangsa banjir berlindung.

"Kita tambah pusat pemindahan supaya penduduk dapat berpindah ke tempat lebih selamat tidak jauh dari rumah mereka," katanya kepada *Sinar Harian*, kelmarin.

Tuan Zainal Abidin berkata, terdapat juga beberapa sekolah disenaraikan sebagai pusat pemindahan banjir sebelum ini terpaksa dibatalkan kerana turut terjejas dalam kejadian banjir tahun lalu, antaranya Sekolah Kebangsaan (SK)



TUAN ZAINAL ABIDIN

Tengku Muhammad Fakry Petra di Kampung Lembaga yang digantikan dengan SK Sri Wangi.

"Kita buat persiapan hadapi banjir dengan ambil kira kesan dan halangan yang berlaku dalam musibah akhir tahun lalu," katanya.

Dalam pada itu, Tuan Zainal Abidin turut menasihatkan penduduk tidak leka sekiranya hujan lebat di Hulu Kelantan kerana air beberapa sungai utama termasuk Sungai Galas, Nenggiri dan Lebir cepat melimpahi tebing.

"Mereka perlu mengambil iktibar pengalaman banjir tahun lalu apabila ramai terperangkap dan perlu tunggu bot untuk dipindahkan," katanya.